



فُوْسَةٌ دِعَوَةٌ إِسْلَامِيَّةٌ  
مَرْكَزُ الدِّعَةِ إِلَيْهِ اِنْتَهَى  
ISLAMIC DA'WAH CENTRE

Bil: 48

# اولادنا Auladuna

2024(UP) 600-002/042(48)

## Madinah al-Munawwarah

Madinah Kota  
Rasulullah 3

Adab Ziarah ke Maqam  
Rasulullah 7

Masjid  
an-Nabawi 8



# Kandungan Auladuna

- KALAM AULADUNA —————— 3
- ASMA'UL HUSNA —————— 4
- PENGENALAN SURAH —————— 5
- SIFAT ALLAH —————— 6
- ADAB ISLAMI —————— 7
- INGIN TAHU —————— 8
- KAMUS 3 BAHASA —————— 9
- AMAR MA'RUF —————— 10
- BACA DAN TULIS —————— 11

- NAHI MUNKAR —————— 12
- BINA PERKATAAN —————— 13
- PERAMBAHAN BRUNEI —————— 14
- SAMBUNG JAWI —————— 15
- ASAH MINDA —————— 16
- KAMUS BRUNEI —————— 17
- SESUAI DAN PADANKAN —————— 18
- GAMBAR TERSEMBUNYI —————— 19
- DOA —————— 20

## Anggota Redaksi

### EDITOR

Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim

### PENOLONG EDITOR

Qairunnisa binti Haji Jalil

### PENYELARAS

Rokiah binti Haji Mohamad Serudin

### PEMBANTU PENYELARAS

Hajah Ratna Wati binti Haji Abd. Karim

Md. Zelihan bin Ahad

Azizah binti Hidup

Suriati binti Haji Ali Hussin

Dayang Hayatun Syakirah binti Haji Awang Abd. Ghani

### SUSUN ATUR & REKA BENTUK

Dahlan bin Chuchu

### PEMBAHAGI MAJALAH

Pg. Muhammad Rafiuddin bin Pg. Haji Badaruddin

Nurul Nabilah binti Masri

## Madinah Kota Rasulullah

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Peristiwa hijrah Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dari kota Mekah ke Madinah merupakan peristiwa penting dalam sejarah Islam. Dari hijrah baginda inilah bermulanya titik awal perkembangan da'wah ajaran agama Islam yang banyak meninggalkan berbagai kesan dan sejarah.

Justeru itu, semasa mengerjakan ibadah haji atau umrah, pastinya Madinah atau yang dulu dikenali sebagai Yatsrib dituntut untuk mengunjunginya kerana di sinilah terdapatnya tempat-tempat istimewa dan bersejarah. Tempat-tempat tersebut antaranya ialah:



Bersamalah kita berdoa semoga kita semua akan dapat berkunjung ke Madinah, kota Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*.



## Asma'ul Husna

آل شَهِيدٍ

Asy-Syahiid

### Yang Maha Menyaksikan

(Ingalah) hari (ketika) Allah membangkitkan mereka semuanya hidup semula (pada hari Kiamat) lalu Dia menerangkan kepada mereka apa yang mereka telah kerjakan. Allah menghitung amalan-amalan mereka itu satu persatu sedang mereka telah melupakannya. Dan Allah Maha Menyaksikan segala sesuatu.

#### Surah al- Mujaadalah: 6

**Asy-Syahiid** bermaksud Yang Maha Menyaksikan. Mengawasi dan menyaksikan segala perbuatan, dan mendengar percakapan hamba-Nya. Tidak ada satu pun yang tersembunyi dari-Nya, baik yang di bumi maupun yang di langit.

Sesiapa yang memperbanyak berzikir dengan nama ini, Allah akan menyelamatkan dan memeliharanya dari toh�ahan jahat yang dilemparkan kepadanya.

# سورة محمد

## Surah Muhammad

Merupakan surah ke-47 dan mengandungi 38 ayat.

Surah ini menjelaskan tentang penurunan al-Qur'an kepada Nabi Muhammad  
*Shallallahu 'alaihi wa sallam.*

Mengandungi hukum-hukum peperangan, orang-orang tahanan dan harta rampasan.

Menjelaskan mengenai perbezaan antara orang-orang kafir dengan orang-orang mu'min serta balasan yang diterima di dunia dan di akhirat.

Menggambarkan sifat-sifat syurga berserta kenikmatannya dan neraka berserta azabnya.

Menyeru kepada orang-orang beriman supaya berjihad menegakkan agama Allah, memperbanyak sedekah dan menderma pada jalan Allah.

Sifat Allah

# SIFAT WAJIB BAGI ALLAH

Antara sifat 20 yang wajib bagi  
Allah Subhanahu wa Ta'ala ialah:

حَيَاةٌ

Hidup

وَحْدَانِيَّةٌ

Maha Esa

عِلْمٌ

Mengetahui

قُدرَةٌ

Berkuasa

إِرَادَةٌ

Berkehendak

# Adab Ziarah Ke Maqam Rasulullah

Antara adab semasa menziarahi maqam Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* ialah:



Sunat berazam menziarahi maqam Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dan masjidnya ketika menuju Madinah supaya mendapat pahala kedua-duanya.



Sunat memperbanyakkan selawat ke atas Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dalam perjalanan tersebut.



Sunat mandi sebelum masuk Madinah sekiranya ada kemudahan. Jika tiada kemudahan, mandilah sebelum masuk ke dalam masjid dan pakailah pakaian yang paling bersih.



Apabila sampai di pintu Masjid Quba', hendaklah melangkah masuk dengan kaki kanan sambil membaca doa masuk masjid.



Manakala di Masjid an-Nabawi pula, setelah bersembahyang di Raudhah, pergilah ke maqam baginda yang mulia. Berdirilah di situ dengan membelakangi kiblat dan menghadap dinding maqam lalu ucaplah salam dengan perlahan.



Sambil menghadap kiblat, perbanyakkan berdoa untuk diri sendiri dan semua orang mukmin kerana itulah masa berdoa yang mustajab.



Sebaik-baiknya, lakukanlah sembahyang di masjid Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* selama berada di Madinah dan ziarahilah perkuburan Baqi' pada setiap hari dan juga perkuburan para syuhada di Uhud.



Ingin Tahu

## Masjid An-Nabawi



Masjid an-Nabawi merupakan masjid kedua terbesar di dunia selepas Masjidilharam di Mekah.

Masjid ini dibina oleh Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dan para sahabat iaitu selesai sahaja baginda melaksanakan perjalanan hijrahnya dari Kota Mekah ke Madinah, pada tahun pertama hijrah (sekitar tahun 622 Masihi).

Kawasan ini dipenuhi dengan pokok-pokok tamar dan juga runtuh-runtuhan lama yang kemudiannya dibersihkan dan diratakan untuk didirikan masjid.

Pada zaman Rasulullah, atapnya diperbuat daripada pelepas-pelepas pokok tamar, disimen dengan tanah liat.

Mempunyai nilai seni bina yang sangat indah dan unik pada bangunannya, di antaranya bangunan masjid yang terdiri dari dua buah bangunan bertingkat berbentuk persegi panjang yang luas. Halamannya juga sangat luas dengan mempamerkan rekabentuk islamik. Terdapat kubah dan payung yang boleh dibuka dan ditutup secara automatik di halaman luar masjid. Ini merupakan daya tarik serta pesona keindahan dari Masjid an-Nabawi.

Pahala bersembahyang di Masjid an-Nabawi adalah 1,000 kali ganda dibandingkan dengan masjid lain kecuali di Masjidil Haram di Mekah.

Menjadi pusat perjuangan Islam ketika Rasulullah hijrah dari Mekah ke Madinah dan dikunjungi jutaan umat muslim sepanjang tahun ketika melaksanakan ibadah ke Baitullah.



BERSENAM  
EXERCISING

يَتَرَكَّصُ

2



BERSARAPAN  
HAVING BREAKFAST

يُفْطِرُ

3



MENGULANGKAJI  
REVISING

يَرَاجِعُ

4



MEMBACA  
READING

يَقْرَأُ

5



TIDUR  
SLEEPING

يَنَامُ

# Perintah Mensyukuri Ni'mat Subhanahu Wa Ta'ala

وَإِذْ تَأْذَنَ رَبُّكُمْ لِيْنَ شَكْرَتُهُ لَا زَيْدَنَكُمْ  
وَلِيْنَ كَفُورٌ مِنَ عَذَابِي لَشَدِيدٌ

## Mafhumnya:

Katakanlah ( Wahai Nabi Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu (dengan sejelas-jelasnya): "Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur (terhadap) segala ni'mat-Ku) tentu aku akan menambah ni'mat itu kepada kamu dan demi sesungguhnya jika kamu kufur (terhadap ni'mat itu) maka sesungguhnya azab-Ku sangat keras.

( Surah Ibraahiim : 7)



# Larangan Bersifat Bakhil dan Boros

وَلَا تَجْعَل يَدَك مَغْلُولَةٌ إِلَى عُنْقِكَ وَلَا تُبْسِطْهَا  
كُلَّ الْبَسْطِ فَنَقْعُدْ مَلْوَمًا مَحْسُورًا ﴿٦٩﴾

**Mafhumnya:**

*Dan janganlah engkau  
jadikan tanganmu  
terbelenggu di lehermu  
(bakhil) dan janganlah (pula)  
engkau menghulurkannya  
sehabis-habisnya (boros)  
kerana akibatnya engkau  
akan jadi tercela dan  
menyesal.  
( Surah al-Israa' : 29)*






سَيَضْلِلُ نَارًا ذَاتَ لَهَبٍ ③  
تَبَّتْ يَدَا آمَّى لَهَبٍ وَتَبَّ ①  
فِي جِيدِهَا حَبْلٌ مِنْ مَسْكِدٍ ⑤  
وَأَمْرَأَتُهُ حَمَالَةُ الْحَطَبِ ②  
مَا أَغْنَى عَنْهُ مَالُهُ وَمَا كَسَبَ ⑥

**Susun dan tulis semula ayat yang betul bacaannya di bawah ini:**

Handwriting practice lines for the Arabic text provided above.



Cuba bina 10 perkataan daripada perkataan di bawah ini

## TAMAN RAUDHAH



Jawapannya: Taman, Aman, Harta, Dahan, Mata, Rata, Nama, Ratu, Marah, Darah

## Perambahan Brunei

### KEDAPATAN SIANG

Ertinya: Sudah tua umur.

Contoh ayat:

Walaupun *kedapatan siang*, namun Haji Yusof masih berhasrat untuk menunaikan ibadah haji bagi kali ketiga.

### KULIMAT-KULIMAT DAHULU, DIKUBIT-KUBIT KEMUDIAN

Ertinya: Berjimat cermat untuk kesenangan kemudian.

Contoh ayat:

Akhirnya Amir dapat membeli kereta idamannya setelah terpaksa *kulimat-kulimat dahulu, dikubit-kubit kemudian*.

### BAGAIKAN PUTUS TALI JANTUNG

Ertinya: Terperanjat.

Contoh ayat:

Hajah Ramlah *bagaikan putus tali jantung* mendengar perkhabaran anaknya ditimpa kemalangan jalan raya.



Sila sambung ejaan jawi berikut:

م د ي ن ة ا ل م ن ا و ر ة

م س ج د ا ل ن ب و ي

ه ج ر ة

ت ا م ن ر و ض ة

م ق ا م ر س و ل ا ل ل ه

## Asah Minda

Cari nama tempat-tempat bersejarah di Madinah dalam kotak berikut:

Masjid Nabawi, Maqam Rasulullah, Taman Raudhah,  
Maqam Baqi', Masjid Quba', Jabal Uhud,  
Masjid Qiblatain, Masjid Khandaq

M	B	D	F	H	U	T	I	T	S	A	F	A	X	M	H
A	A	F	B	V	M	A	E	M	S	U	O	P	F	U	A
S	S	q	J	S	Q	M	W	A	S	F	H	K	M	Z	J
J	M	R	A	K	U	A	T	S	Z	A	M	J	A	D	A
I	Q	A	B	M	I	N	L	J	I	W	Y	I	S	A	R
D	A	I	A	M	R	R	L	I	W	R	F	H	J	L	M
Q	W	P	L	N	Q	A	A	D	E	A	C	C	I	I	A
I	T	Y	U	S	I	U	S	Q	T	M	A	F	D	F	q
B	R	U	H	X	A	D	I	U	B	T	N	T	K	A	A
L	U	B	U	Z	R	H	M	B	L	I	N	L	H	H	M
A	K	Y	D	T	A	A	D	A	Q	U	M	F	A	B	B
T	S	W	Q	A	F	H	H	'	I	U	L	A	N	I	A
A	Y	J	D	Q	A	S	J	T	I	B	N	L	D	K	Q
I	U	U	T	M	A	S	J	I	D	N	A	B	A	W	I
N	W	N	B	A	S	D	K	A	'	B	A	H	q	H	'

**KARIT**

Ertinya: Lokek, kedekut

Contoh: Ustaz Asraf menasihatkan anak muridnya supaya menjauahkan diri daripada bersifat **karit**.

**MULIH**

Ertinya: Balik atau Pulang

Contoh: Semua jemaah haji itu **mulih** ke tanah air dengan selamatnya.

**NIKTAI**

Ertinya: Tali leher

Contoh: Cikgu Hassan nampak kacak apabila memakai kemeja berwarna putih dan **niktai** berwarna merah.

## Sesuai & Padankan

Cuba anak-anak sesuai dan padankan sifat-sifat  
**MAHMUDAH** dan **MAZMUMAH** di kotak berikut:

**MAHMUDAH**

**MAZMUMAH**

Dermawan

Pemarah

Bakhil

Ikhlas

Sabar

Sombong

Bersyukur

Pendengki

Riya'

Redha



Gambar  
Tersembunyi

Cari 10 ekor KAMBING



# DOA

## MEMOHON HIDAYAH DAN PETUNJUK

Mafhumnya:

Ya Tuhan kami! Utuslah kepada mereka seorang rasul daripada kalangan mereka sendiri yang akan membacakan kepada mereka ayat-ayat (firman-Mu) dan yang akan mengajarkan kepada mereka kitab (al-Qur'an) dan hikmah (hukum-hukum yang terdapat di dalamnya) dan yang akan mensucikan (hati dan jiwa) mereka (daripada syirik dan ma'siat). Sesungguhnya Engkaulah yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.

(Surah al-Baqarah: 129)

رَبَّنَا وَأَبْعَثْ فِيهِمْ رَسُولاً فِيهِمْ يَتَوَلَّ  
عَلَيْهِمْ إِذَا تَرَكُ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ  
وَالْحِكْمَةَ وَيُرَكِّبُهُمْ إِنَّكَ أَنْتَ الْغَنِيُّ  
عَنِ الْحَكِيمِ

١٢٩

